# SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KERTAS SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN J29/JA29 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1. **TARIKH SUKATAN PEPERIKSAAN DILULUSKAN**
   Sukatan peperiksaan ini diluluskan oleh Panel Subjek Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 30 November 2011.

2. **TUJUAN**
   Menguji kefahaman dan pengetahuan Penolong Juruukur Bahan J29/JA29 dalam bidang Ukur Bahan untuk pengesahan dalam jawatan.

3. **OBJEKTIF**
   Memastikan Penolong Juruukur Bahan J29/JA29 yang baru dilantik mempunyai pengetahuan asas dan kefahaman untuk melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan.

4. **PEGAWAI YANG LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN**
   Penolong Juruukur Bahan J29 yang belum disahkan dalam jawatan.

5. **SOALAN YANG PERLU DIJAWAB**
   Mengikut sukatan peperiksaan.

6. **TAHAP KESUKARAN SOALAN**
   Pengetahuan dan pemahaman.

7. **RUJUKAN SEMASA PEPERIKSAAN**
   Calon-calon tidak dibenarkan merujuk bahan-bahan bacaan / rujukan semasa peperiksaan kecuali yang dibenarkan dalam sukatan peperiksaan.

8. **PENGECUALIAN**
   Calon-calon yang telah lulus mana-mana kertas tidak perlu mengulangi kertas tersebut.

9. **KEPUTUSAN**
   Lulus / Kandas

10. **LANTIKAN PEMERIKSA**
    Pemeriksa dilantik oleh Panel Subjek Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

11. **BAHASA**
    Soalan dan jawapan adalah dalam Bahasa Malaysia.

12. **PERMOHONAN**
    Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia.

13. **PUSAT PEPERIKSAAN**
    Pusat Peperiksaan akan ditetapkan oleh Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

14. **KEKERAPAN PEPERIKSAAN**
    Peperiksaan diadakan tiga **(3)** kali setahun.

| KOD SKIM / SUBJEK | KERTAS II - SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN J29/JA29 |
|---|---|
| **B2271 / PB271** | **1. Amalan Dan Prosedur Tender / Kontrak**<br>a. Proses Perolehan Selaras Dengan Arahan Perbendaharaan Dan Surat Pekeliling Perbendaharaan/ DBKL Meliputi Perolehan Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan<br>(i) Tender tempatan/ antarabangsa<br>(ii) Sebutharga<br>(iii) Kerja undi<br>(iv) Kerja kecemasan dan pembelian darurat<br>(v) Pembelian runcit<br>(vi) Kontrak Berpenggal<br>b. Tender<br>(i) Penyediaan naskah meja tender dan dokumen tender<br>(ii) Jenis-jenis tender<br>- Tender terbuka<br>- Tender terpilih/ terhad<br>- Tender rundingan terus<br>(iii) Pelawaan dan penerimaan tender<br>- Iklan tender<br>- Meliputi perkara-perkara yang disebut di dalam iklan dan media pengiklanan<br>- Pendaftaran kontraktor mengikut kelas dan nilai projek untuk ditender<br>(iv) Tatacara penilaian tender<br>(v) Lembaga Perolehan Tender (peringkat Kementerian/ Negeri/ Jabatan) - fungsi dan keahlian<br>(vi) Penyediaan Surat Setujuterima<br>c. Tatacara Sebutharga, Kerja Undi Dan Pembelian Runcit<br>Meliputi peraturan mendapatkan sebutharga dan keahlian Jawatankuasa Sebutharga, kerja undi, pembelian runcit dan dokumen-dokumen yang digunapakai untuk tujuan pembayaran.<br>d. Tatacara Penyediaan Dokumen Kontrak<br>(i) Kandungan dokumen kontrak yang perlu disediakan<br>(ii) Pelarasan kadarharga tender di dalam kontrak<br>(iii) Polisi-polisi insurans, bon pelaksanaan/ wang jaminan pelaksanaan dan gerenti untuk bayaran pendahuluan<br>e. Bayaran-Bayaran Di Bawah Kontrak<br>(i) Bayaran pendahuluan<br>- Kelayakan untuk mendapatkan bayaran pendahuluan<br>- Syarat-syarat bayaran dibuat<br>- Bayaran balik |

| KOD SKIM / SUBJEK | KERTAS II - SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN J29/JA29 |
|---|---|
| B2271 / PB271 | (ii) Bayaran interim mengikut Syarat-syarat Kontrak DBKL 203/ 203A<br>- Had nilai bayaran pertama dan seterusnya<br>- Prosedur dan pelaksanaan bayaran interim<br>- Nilai perubahan kerja yang telah disiapkan<br>- Turun naik harga bahan binaan<br>- Bahan-bahan tak pasang<br>- Bayaran kepada sub-kontraktor dan pembekal dinamakan dan penerima hak<br>- Bayaran terus kepada sub-kontraktor dalaman<br>- Bayaran Kemajuan Perunding<br>f. Perubahan Kerja Dan Pelarasan Jumlah Harga Kontrak<br>(i) Prosedur memohon kelulusan arahan perubahan kerja<br>(ii) Pengeluaran arahan perubahan kerja<br>(iii) Penilaian dan perakuan perubahan kerja<br>(iv) Pelarasan wang kos prima, wang peruntukan sementara dan kuantiti sementara dan penyediaan perakuan pelarasan harga kontrak<br>(v) Pengiraan turun naik harga bahan binaan untuk kerja bangunan dan kerja kejuruteraan awam<br>g. Kelambatan Dan Lanjutan Masa/ Perakuan Tidak Siap Dan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor<br>(i) Sebab-sebab yang membolehkan lanjutan masa diberi mengikut Syarat-syarat Kontrak DBKL 203/ 203A<br>(ii) Prosedur pengeluaran perakuan kelambatan dan lanjutan masa termasuk kaedah pengiraan tempoh lanjutan<br>(iii) Prosedur pengenaan/ pengecualian denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan<br>(iv) Prosedur penamatan pengambilan kerja kontraktor<br>h. Penyiapan kerja<br>(i) Jenis-jenis penyiapan kerja (penyiapan kerja sepenuhnya, penyiapan berbahagian-bahagian dan pendudukan separa)<br>(ii) Kesan ke atas polisi-polisi insurans dan bon pelaksanaan/ wang jaminan pelaksanaan selepas penyiapan kerja dan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan<br>(iii) Tempoh tanggungan kecacatan, senarai kecacatan dan perakuan siap memperbaiki kecacatan<br>i. Perakuan Muktamad<br>(i) Tempoh untuk menyediakan perakuan muktamad<br>(ii) Perkara-perkara yang diambilkira bagi penyediaan perakuan muktamad dan bayaran mengenainya<br>(iii) Pelepasan bon pelaksanaan/ wang jaminan pelaksanaan<br>j. Penyediaan Anggaran, Penyediaan 'Detailed Abstracts' (PDA, ATDA & ACDA) Dan Penyediaan Kadar Harga Bagi Pelbagai Item-Item Utama<br><br>**2. Teknologi Binaan**<br>a. Kerja-Kerja Bangunan<br>(i) Penyediaan tapakbina dan kerja tanah<br>- Penyediaan tapak bina<br>- Saliran di tapak bina<br>- Kerja-kerja meroboh struktur sedia ada<br>- Kerja penggalian dan penambakan tanah<br>(ii) Kerja asas<br>- Asas konkrit<br>• Asas pad<br>• Asas jalur<br>• Asas rakit<br>- Cerucuk<br>• Cerucuk kayu<br>• Cerucuk konkrit<br>• Pengujian cerucuk<br>(iii) Kerja-kerja substruktur<br>- Tingkat bawah tanah (basement)<br>- Kerja-kerja di bawah kemasan lantai terendah<br>- Lapis lindung (apron) dan longkang keliling bangunan<br>(iv) Rangka bangunan<br>- Tiang<br>- Peneguh (stiffener)<br>- Rasuk lantai<br>- Rasuk bumbung<br>(v) Lantai atas<br>- Jenis lantai<br>• Lantai kayu<br>• Lantai konkrit<br>(vi) Bumbung<br>- Jenis bumbung<br>- Struktur bumbung<br>- Penutup bumbung<br>- Paip saliran air hujan<br>(vii) Tangga<br>- Jenis tangga<br>- Struktur tangga<br>- Susur tangan dan jerejak<br>- Kemasan tangga<br>(viii) Dinding dan sesekat<br>- Dinding konkrit, dinding batu-bata, dinding blok konkrit dandinding kayu<br>- Sesekat pasang tetap dan mudah alih<br>- Wall cladding<br>(ix) Tingkap, pintu dan pengalihudaraan<br>- Tingkap pasang tetap, ram dan kesmen<br>- Pintu kayu, aluminium, berkaca, polyvinyl chloride (pvc) dan pintu bergelangsar<br>- Liang udara<br>- Kelengkapan tingkap dan pintu |

# SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KERTAS SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN J29/JA29
# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

| KOD SKIM / SUBJEK | KERTAS II - SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN J29/JA29 |
|---|---|
| B2271 / PB271 | (x) Kemasan<br>- Kemasan lantai<br>- Kemasan dinding<br>- Kemasan siling<br>b. Kerja-Kerja Kejuruteraan Sivil<br>(i) Jalan dan laluan pejalan kaki<br>(ii) Dinding penahan tanah<br>(iii) Saliran air permukaan<br>(iv) Sistem pembetungan<br>(v) Sistem retikulasi air<br>(vi) Jalan dan jambatan<br><br>**3. Spesifikasi**<br>a. Soalan berkaitan dengan kerja yang dilaksanakan semasa pembinaan, penyenggaraan dan juga pengubahsuaian bangunan merangkumi ketukangan berikut :<br>(i) Kerja permulaan<br>(ii) Kerja tanah dan penggalian<br>(iii) Kerja konkrit<br>(iv) Kerja batu-bata<br>(v) Kerja bumbung<br>(vi) Kerja ketukangan kayu dan tanggam<br>(vii) Kerja keluli dan logam<br>(viii) Kelengkapan pintu dan tingkap<br>(ix) Kerja paip bekalan air<br>(x) Kerja pembentungan<br>(xi) Kerja melepa, mengubin, menjubin dan memasang genting<br>(xii) Kerja pemasangan kaca<br>(xiii) Kerja mengecat<br>(xiv) Kerja-kerja di sekitar bangunan<br><br>**4. Sistem Kemudahan Dalam Bangunan**<br>a. Sistem Bekalan Air<br>(i) Jenis-jenis air dan rawatan<br>(ii) Bekalan air bangunan dari paip utama ke tangki dan dari tangki ke kelengkapan dan sistem air panas mudah<br>b. Sistem Saliran Kotoran Dan Pemasangan Kelengkapan Kebersihan<br>(i) Rekabentuk dan pembinaan saliran kotoran dan air buangan untuk bangunan<br>(ii) Pemasangan serta penjagaan kelengkapan kebersihan<br>(iii) Paip-paip, kelengkapan dan peralatan yang digunakan untuk saluran paip air buangan dan kotoran termasuk sistem penyambungan saluran paip<br>(iv) Prinsip pengalihudaraan bagi paip air buangan dan kotoran, perangkap penghalang dan lain-lain perangkap<br>(v) Kaedah pengujian semasa dan selepas pembinaan :<br>- Paip air kotoran<br>- Kelengkapan kebersihan<br>- Sistem pengalihan udara<br>c. Sistem Pembetungan<br>(i) Sistem pembetungan untuk bangunan yang tidak mempunyai pembetung awam<br>d. Sistem Pembuangan Sampah<br>e. Sistem Pemasangan Elektrik<br>f. Sistem Pencegah Kebakaran<br>g. Sistem Pemasangan Lif dan Escalator<br><br>**5. Anggaran**<br>(i) Elemen Kos Individu<br>(ii) Kadar `All-In'<br>(iii) Mengkoskan Kerja Binaan<br>(iv) Menganggarkan Jumlah Kos/ Kos Keseluruhan<br>(v) Kakitangan Pentadbiran Tapak<br>(vi) Menender<br>(vii) Mengatur dan Merancang Kerja<br>(viii) Bonus<br>(ix) Kos Perancaan (Scaffolding)<br>(x) Kos Kerja Jentera dan Loji<br>(xi) Korekan dan Kerja Pada Paras Tanah<br>(xii) Korekan dan Kerja Bawah Paras Tanah<br>(xiii) Perobohan<br>(xiv) Kerja Konkrit<br>(xv) Kerja Bata dan Blok<br>(xvi) Kerja Tembok Batu Kasar<br>(xvii) Kerja Asfal<br>(xviii) Kerja Bumbung<br>(xix) Kerja Kayu<br>(xx) Kerja Logam dan Keluli<br>(xxi) Kerja Paip Air Dalaman, Pepasangan Kebersihan dan Bekalan Air Utama<br>(xxii) Kemasan Lantai, Dinding dan Siling<br>(xxiii) Kerja Kacaan<br>(xxiv) Kerja Perparitan dan Pembetungan<br>(xxv) Kerja Pagar<br>(xxvi) Kerja Kuari dan Binaan Jalan<br>(xxvii) Kadar Pro-Rata<br>(xxviii) Kadar Kerja Harian (Days Works) |

## SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KERTAS SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN J29/JA29 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

| KOD SKIM / SUBJEK | KERTAS II - SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN J29/JA29 |
|---|---|
| **B2271 / PB271** | **Soalan yang perlu dijawab :**<br><br>Soalan : 8 jawab 5 (Esei)<br>Markah : 100%<br>Masa : 3 Jam<br><br>**Arahan :**<br><br>* Calon-calon **tidak dibenarkan** merujuk bahan-bahan bacaan / rujukan semasa peperiksaan. |
| **KOD SKIM / SUBJEK** | **KERTAS III - AMALI** |
| **B2271 / PB272** | **1. Pengukuran Kuantiti Bangunan Dan Sivil**<br>a. Kerja Kerja Bangunan<br>(i) Penyediaan tapak bina dan kerja di sekitar bangunan<br>- Penyediaan tapak bina dan kerja tanah<br>- Kerja-kerja lanskap termasuk penanaman rumput<br>- Jalan, dataran kejat, laluan pejalan kaki dan tempat letak kereta<br>- Pagar dan pintu pagar<br>- Saliran air permukaan dan pembetung<br>- Pembetungan termasuk lurang dan tangki najis<br>- Laluan berbumbung<br>- Kerja meroboh<br>(ii) Kerja Bangunan<br>- Kerja ubahsuai/ baikpulih/ menaiktaraf<br>- Kerja substruktur termasuk asas tapak konkrit bertetulang dan kerja cerucuk (kayu, konkrit bertetulang dan cerucuk kepingan keluli)<br>- Kerja superstruktur konkrit bertetulang<br>- Kerja batu-bata dan batu blok<br>- Kerja bumbung termasuk kekuda bumbung kayu, keluli dan berbagai jenis penutup bumbung dan kemasan siling<br>- Kerja pertukangan kayu dan tanggam<br>- Kerja keluli dan logam<br>- Kerja melepa, mengubin dan menjubin<br>- Kerja paip bekalan air, pemasangan kelengkapan kebersihan dan sistem saliran kotoran bangunan<br>- Kerja pemasangan kaca<br>- Kerja mengecat<br>- Penyediaan jadual bagi lurang, takungan, saliran, kelengkapan pembersihan, kelengkapan pintu/ tingkap, mengecat dan kemasan<br>b. Kerja-Kerja Sivil<br>(i) Pengukuran kuantiti kerja Kejuruteraan Sivil bagi kerja-kerja berikut :<br>- Sistem perparitan, pembetungan dan takungan konkrit bertetulang<br>- Kerja jalan<br>- Jambatan konkrit bertetulang<br>- Jejambat, struktur penahan air, jeti dan lain-lain kerja marin yang mudah<br>- Laluan pejalan kaki<br>c. Kerja-Kerja Penyenggaraan<br><br>**Soalan yang perlu dijawab :**<br><br>Soalan : 1 (Taking-off/ Pengiraan)<br>Markah : 100%<br>Masa : 3 Jam<br><br>**Arahan :**<br><br>Calon-calon perlu membawa Standard Method Measurement (SMM), pembaris skala dan kalkulator.<br>* Calon-calon **tidak dibenarkan** merujuk bahan-bahan bacaan / rujukan semasa peperiksaan kecuali yang dibenarkan sahaja. |